

## **KEBITARAAN PROGRAM PENGAJIAN BAHASA MELAYU: PERSEPSI DAN HARAPAN MAHASISWA**

*KARTINI ABD WAHAB*

*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
*kartini@ukm.edu.my*

*SA'ADIAH MA'ALIP*

*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
*adia@ukm.edu.my*

*MASLIDA YUSOF*

*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
*maslida@ukm.edu.my*

*KARIM HARUN*

*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
*linguist@ukm.edu.my*

### **ABSTRAK**

Program Pengajian Bahasa Melayu di Universiti Kebangsaan Malaysia menawarkan ilmu teras dan aplikasi dalam bidang kajian linguistik Melayu. Walau bagaimanapun perkembangan mutakhir telah mencetuskan cabaran kepada bidang pengajian ini dari kerelevanan dan sumbangannya. Antara persoalan yang timbul, “Adakah pengajian bahasa Melayu pada masa ini mampu menyerlahkan kebitaraannya dari segi pengisian ilmu dan prospek kerjaya kepada mahasiswa?” Sehubungan itu, satu kajian dijalankan dengan tujuan untuk meneliti apakah persepsi dan harapan mahasiswa terhadap kualiti ilmu dan potensi bidang pengajian bahasa Melayu. Soal selidik dijalankan ke atas 155 responden yang mengikuti Program Pengajian Bahasa Melayu di Universiti Kebangsaan Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden menunjukkan persepsi yang positif atau keyakinan yang tinggi terhadap kualiti ilmu yang ditawarkan oleh program ini. Hal ini menunjukkan potensi kebitaraan Program Pengajian Bahasa Melayu sebagai program bidang linguistik yang mampu menyediakan mereka dengan kepakaran dalam bidang tersebut. Walau bagaimanapun dari aspek harapan, dapatan kajian menunjukkan bahawa harapan responden terhadap prospek kerjaya yang berkaitan bidang linguistik Melayu adalah rendah pada tahap pengajian Tahun 3. Justeru, usaha di peringkat program dan juga kalangan mahasiswa dalam menangani cabaran ini harus dipertingkatkan bagi menjamin kebitaraan Program Pengajian Bahasa Melayu, sesuai dengan perkembangan semasa dan prospek bidang ini yang sebenarnya amat luas dan tanpa sempadan.

**Kata kunci:** Program Pengajian bahasa Melayu; persepsi; harapan; Universiti Kebangsaan Malaysia, kebitaraan

## **EXCELLENCE OF MALAY LANGUAGE STUDIES PROGRAMME: STUDENTS' PERCEPTIONS AND EXPECTATIONS**

### **ABSTRACT**

Malay Language Studies Program in National University of Malaysia offer core and applied knowledge in Malay linguistics studies. However, the recent developments have pose challenge to its relevance and contributions to this field of study. Among the questions that arise, "Does the current study of Malay language is capable of highlighting the excellence of Malay study in terms of knowledge and career prospects for the students?" Thus, a study was carried out to investigate the perceptions and expectations of students on the quality and potential of the study of the Malay language. 155 respondents from the in Malay language Studies Program at the National University of Malaysia participated in this research. The findings show that the respondents indicated a positive perception or confidence in the quality of knowledge offered by this program. This proves the potential excellence of the Malay Studies Program as a linguistics program that can provide expert knowledge in this field. However in terms of expectations, the findings show that the respondents' expectation towards career prospects in line with the Malay linguistics is low amongst the third year students. Thus, efforts at the program and also among the students in addressing these challenges should be enhanced to ensure that the excellence of Malay Language Studies Program is in accordance with the current development and prospect of this field which is vast and borderless.

**Keywords:** Malay Language Studies Program; exceptions; expectations; National University of Malaysia; excellence

### **PENGENALAN**

Pengajian Melayu adalah pengajian peradaban atau pengajian wilayah yang bertujuan untuk menyelami dan memahami sesuatu kelompok manusia (Mohd Taib, 2004). Tiga teras utama dalam bidang ini iaitu bahasa, budaya dan sastera. Pada awalnya, bidang ini bukan sahaja dirintis tetapi dikuasai oleh para pegawai kolonial yang mentadbir negara ini misalnya Raffles, Marsden, Crawford, Swettenham, Shellabear, Wilkinson, Winstedt dan lain-lain lagi (Roosfa, 2011). Nama-nama pegawai British ini dikatakan sudah cukup sinonim dalam hampir kesemua bidang Pengajian Melayu, sama ada dalam bidang bahasa, antropologi, sejarah, kebudayaan, kesusasteraan, kesultanan mahupun keagamaan. Sehubungan dengan itu, bahasa Melayu sebagai salah satu komponen dalam bidang Pengajian Melayu telah menjadi bidang pengajian yang tersendiri dan menjadi tumpuan kajian, pada zaman kolonial. Menurut Awang Sariyan (2006), pada zaman tersebut, pertumbuhan awal kajian bahasa dan linguistik Melayu giat dilakukan dalam rangka penjajahan politik dan ekonomi.

Sejajar dengan itu, beberapa institusi yang mempunyai kaitan dengan Pengajian Melayu telah ditubuhkan di Eropah. Sebagai contoh di Leiden, Belanda, Royal Netherlands Institute of Southeast Asian and Caribbean Studies (KITLV) telah didirikan pada tahun 1851, manakala di London, England pula, School of Oriental and African Studies (SOAS) telah didirikan pada tahun 1916. Kedua-dua institut ini memainkan peranan penting dalam usaha mengkaji dan

mengumpul bahan-bahan tentang bahasa, sastera dan budaya Melayu. Seterusnya, kedua-dua institut ini menjadi model kepada pembentukan Pengajian Melayu di Malaya. Institusi pertama yang mengkhusus dalam bidang Pengajian Melayu ditubuhkan pada tahun 1953 di Universiti Malaya, Singapura. Jabatan Pengajian Melayu ini ditubuhkan hasil daripada Laporan Suruhanjaya untuk pendidikan universiti di Malaya. Pada tahun yang sama, Za'ba telah dilantik menjadi ketua jabatan Pengajian Melayu yang pertama sehingga tahun 1958. Jabatan Pengajian Melayu kemudiannya berpindah dari Singapura ke Kuala Lumpur pada tahun 1959 dan R. Roolvink dilantik sebagai ketua jabatan bermula pada tahun 1959 sehingga tahun 1963. Penubuhan Pengajian Melayu bertujuan untuk menjadi pusat penggemblengan kebudayaan Melayu, memupuk dan menyambung keserjanaan kesusasteraan serta tradisi rakyat Melayu dan memodenkan bahasa Melayu (Mohd. Taib, 2004). Pada waktu itu, bahasa pengantar bagi pengajian Melayu ialah bahasa Inggeris. Dengan kata lain, kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam bidang ilmu Pengajian Melayu masih disangsikan. Namun dengan semangat perjuangan dan semangat kebangsaan yang berkobar-kobar dalam kalangan pejuang bahasa Melayu telah sedikit demi sedikit mengubah kedudukan bahasa Melayu sama ada dalam perlembagaan termasuklah dalam bidang pendidikan dan pentadbiran.

Selepas kemerdekaan Malaysia pada tahun 1957, peranan Pengajian Melayu adalah untuk melahirkan para mahasiswa yang dapat mengisi keperluan yang mendesak dalam bidang pendidikan. Di samping itu, Pengajian Melayu turut menangani pelbagai aspek perancangan bahasa Melayu. Dengan perancangan yang rapi, bahasa Melayu berjaya menjadi bahasa pengantar dalam bidang pendidikan di sekolah-sekolah hingga ke peringkat pendidikan yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun satu hal yang perlu disedari oleh setiap pihak bahawa pentingnya bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan negara bukanlah semata-mata berkaitan dengan bangsa Melayu. Sebagaimana pandangan Awang Sariyan (2016), manfaat bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam bidang pendidikan berkait rapat dengan kepentingan negara untuk semua bangsa sebagai wahana perpaduan. Sebagai perbandingan, senario ini dapat dilihat jelas dalam konteks varian bahasa Melayu di Indonesia, yang mana bahasa Indonesia merupakan bahasa nasional, bahasa rasmi atau bahasa negara bangsa Indonesia dalam kalangan masyarakatnya yang multi etnik (Hassan Ahmad, 2004) dan bukannya untuk kepentingan pihak atau etnik yang tertentu sahaja.

### **PROGRAM PENGAJIAN BAHASA MELAYU DI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA DAN CABARANNYA**

Program Pengajian Bahasa Melayu sebagai salah satu bidang yang berkembang daripada Pengajian Melayu, menjadi salah satu daripada program pengajian yang ditawarkan di universiti-universiti tempatan. Program ini ditawarkan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Program-program ini ditawarkan atas nama Program Bahasa Melayu atau Program Linguistik Melayu.

Di UKM, Program Pengajian Bahasa Melayu ditubuhkan pada tahun 2001, yang mana sebelumnya pengajian yang melibatkan bahasa berada di bawah Jabatan Linguistik. Dengan penstrukturan Fakulti Sains Kemanusiaan dan Kemasyarakatan (FSKK) yang kemudiannya menjadi Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSKK) pada tahun 2001, maka Program Pengajian Bahasa Melayu turut ditubuhkan di bawah Pusat Pengajian Bahasa dan Kesusasteraan

dan Kebudayaan Melayu, bersama dengan Program Persuratan Melayu, dan Program Kebudayaan Melayu yang kini dikenali juga sebagai Pusat Penyelidikan Bitara Melayu (BAYU) bermula pada Oktober 2016. Program Pengajian Bahasa Melayu menitikberatkan tiga aspek utama iaitu bahan kajian, pendekatan dan sumbangan ilmu (Karim Harun et al., 2015). Dari segi bahan kajian, bahannya memfokuskan bahasa Melayu dan juga dialek-dialeknya mahupun bahasa serumpunya. Dalam hal ini, Program Pengajian Bahasa Melayu menumpukan kajian atau penelitian ke atas bahasa Melayu standard, bahasa Melayu Kolokial dan dialek-dialek Melayu serumpunya. Dari aspek pendekatan pula, Program Pengajian Bahasa Melayu mengarah kepada penerapan teori-teori mahupun pendekatan linguistik terkini dalam menganalisis atau menangani isu dan persoalan yang berkaitan bidang bahasa Melayu, sama ada dari segi teoretisnya mahupun aplikasinya. Aspek yang ketiga ialah dari segi sumbangan ilmu.

Untuk mencapai ketiga-tiga aspek tersebut, Program Pengajian Bahasa Melayu telah menawarkan kursus yang bukan sahaja menumpukan aspek pengetahuan atau penguasaan ilmu linguistik. Malah, kursus-kursus yang mengarah kepada bidang pekerjaan juga telah ditawarkan. Hal ini dapat dilihat daripada semakan atau perubahan kurikulum yang berlaku pada sesi pengajian 2011/2012, yang mana selain menawarkan kursus-kursus teras linguistik seperti sintaksis, morfologi, fonologi, semantik dan lain-lain, program ini juga telah menawarkan kursus-kursus aplikasi misalnya pengeditan teks, bahasa dan media massa, penterjemahan dan leksikografi. Kursus-kursus tersebut diharap mampu menyumbang kepada kebolehpasaran dari segi mewujudkan peluang pekerjaan kepada setiap graduannya misalnya kerjaya yang berkaitan dengan pendidikan seperti pensyarah/guru bahasa, pegawai bahasa, guru, penyunting, wartawan dan pentadbir dan lain-lain. Hal ini juga selaras dengan matlamat yang dan hala tuju yang ditetapkan oleh fakulti dan juga Pusat Penyelidikan Bitara Melayu yang salah satunya adalah untuk melahirkan graduan yang berkebolehan dan berdaya saing untuk pasaran tenaga kerja (FSSK, 2016:132). Walau bagaimanapun, perkembangan mutakhir telah mencetuskan cabaran baharu kepada Program Pengajian Bahasa Melayu khususnya dalam usaha menangani ketiga-tiga aspek tadi iaitu, bahan kajian, pendekatan dan juga sumbangan ilmu. Antara persoalan yang timbul, adakah Program Pengajian Bahasa Melayu pada masa kini mampu menyerlahkan kebitaraannya dalam ketiga-tiga aspek tersebut?

Menyentuh tentang kata kebitaraan, 'kebitaraan' bersinonim dengan beberapa perkataan iaitu 'keunggulan', 'kekhususan', 'keunikan', 'keistimewaan' dan 'ketiadataran' (<http://ekamus.dbp.gov.my/katadetail.aspx?ktid=12851>). Ditinjau dalam konteks pendidikan bahasa Melayu, persoalan kebitaraan program ini pernah dibincangkan oleh Zulkifley (2004). Beliau menjelaskan faktor-faktor yang menyumbang kepada kebitaraan program pendidikan bahasa Melayu dalam konteks pemboleh ubah bangsa/etnik dan faktor persekitaran sekolah. Menurut Zulkifley, faktor etnik dilihat dalam konteks kesedaran bahawa penutur bahasa pertama dan kedua seharusnya dibezakan apabila mereka mengikuti program pendidikan bahasa Melayu. Hal ini disebabkan penutur bahasa pertama telah menguasai pengetahuan bahasa sejak kecil dalam persekitaran semulajadi, sedangkan penutur bahasa kedua pula biasanya menguasai pengetahuan bahasa kedua mereka menerusi proses pendidikan yang bersifat formal. Faktor persekitaran pula dilihat dalam konteks bagaimana faktor persekitaran boleh mewujudkan kesan positif ataupun kesan negatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran program pendidikan bahasa Melayu.

Dalam hal ini program pendidikan bahasa yang bitara ialah program yang dapat memanfaatkan persekitaran untuk memangkin proses penguasaan pengetahuan bahasa dan seterusnya meminimalkan pengaruh negatif daripada persekitaran. Dalam konteks perbincangan

kajian ini, persoalan kebitaraan Program Pengajian Bahasa Melayu, dilihat dalam konteks sejauhmanakah kebitaraan program pengajian ini pada masa kini, daripada konteks kaca mata para mahasiswa. Sehubungan dengan itu, satu kajian telah dijalankan dengan objektif untuk meneliti persepsi dan harapan mahasiswa terhadap Program Pengajian Bahasa Melayu di UKM.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik. Soal selidik ialah set soalan bercetak yang digunakan untuk memperoleh data kajian secara laporan sendiri daripada responden kajian (David et al., 2010). Set borang soal selidik yang mengandungi sejumlah 10 item pernyataan yang berkaitan dengan persepsi dan harapan, diedarkan kepada 155 responden yang merupakan mahasiswa Tahun 1, Tahun 2 dan Tahun 3, yang mengikuti Program Pengajian Bahasa Melayu di UKM bagi Semester 1 Sesi 2016/2017. Responden diminta mengisi penilaian mereka terhadap 10 item pernyataan yang berkaitan. Setiap item pernyataan tersebut diberikan 5 pilihan penilaian atau respon berdasarkan lima Skala Likert iaitu 5 Sangat Setuju, 4 Setuju, 3 Tidak Pasti, 2 Tidak Setuju dan 1 sangat tidak setuju. Data soal selidik dianalisis menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for Social Science*). Penginterpretasian terhadap data dipaparkan dalam bentuk jadual dan diuraikan secara deskriptif statistik dalam bentuk peratusan (%).

## DAPATAN DAN ANALISIS

### Demografi Responden

Jadual 1 menunjukkan demografi responden dari segi tahun atau tahap pengajian yang terlibat dalam soal-selidik ini. Daripada keseluruhan jumlah 155 responden atau mahasiswa Program Pengajian Bahasa Melayu tersebut, sejumlah 58 orang atau 37.4% merupakan mahasiswa Tahun 1, 56 orang atau 36.1% mahasiswa Tahun 2 dan 41 orang atau 26.5% ialah mahasiswa daripada Tahun 3.

JADUAL 1. Tahun/Tahap Pengajian

Bil.	Tahun/Tahap Pengajian	Bilangan	Peratus (%)
1	Tahun 1	58	37.4%
2	Tahun 2	56	36.1%
3	Tahun 3	41	26.5%
	Total	155	100%

Sumber: Soal Selidik 2016

Jadual 2 menunjukkan demografi responden dari segi jantina. Keseluruhannya, soal selidik ini melibatkan 132 orang pelajar perempuan/mahasiswi atau 85%, manakala jumlah pelajar lelaki yang terlibat pula ialah 23 orang atau 14.8%.

JADUAL 2. Jantina

<b>Bil.</b>	<b>Jantina</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus (%)</b>
1	Lelaki	23	14.8%
2	Perempuan	132	85.2%
	Total	155	100%

Sumber : Soal Selidik 2016

Dari aspek bangsa atau kaum pula, jadual menunjukkan sejumlah 142 orang responden atau 91.8% ialah mahasiswa daripada kaum Melayu, 2 responden atau 1.3% daripada kaum Cina, 3 responden atau 1.9% ialah mahasiswa daripada kaum India, 5 responden atau 3.2% ialah mahasiswa daripada Bumiputera Sabah/Sarawak dan lain-lain bangsa sejumlah 3 responden atau 1.9%.

JADUAL 3. Bangsa

<b>Bil.</b>	<b>Bangsa/Kaum</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus (%)</b>
1	Melayu	142	91.8%
2	Cina	2	1.3%
3	India	3	1.9%
4	Bumiputera Sabah/Sarawak	5	3.2%
5	Lain-lain	3	1.9%
	Total	155	100%

Sumber: Soal Selidik 2016

Jadual 4 menunjukkan demografi dari segi kelayakan responden memasuki Program Pengajian Bahasa Melayu di UKM. Sebahagian besar responden yang memasuki program ini adalah berdasarkan kelayakan STPM (Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia), iaitu sejumlah 92 orang atau 59.4%. Ini diikuti oleh kelayakan diploma sejumlah 53 orang atau 34.2%, matrikulasi sejumlah 9 orang atau 5.8% dan lain-lain kelayakan sejumlah 1 orang atau 6%.

JADUAL 4. Kelayakan Masuk

<b>Bil.</b>	<b>Tahap Pendidikan</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus (%)</b>
1	STPM	92	59.4%
2	Diploma	53	34.2%
3	Matrikulasi	9	5.8%
4	Lain-lain	1	6%
	Total	155	100%

Sumber : Soal Selidik 2016

Pemilihan responden ke atas Program Pengajian Bahasa Melayu di peringkat UPU, dapat dilihat menerusi jadual 5 yang terbahagi kepada lima pilihan iaitu pilihan pertama, pilihan kedua, pilihan ketiga, pilihan keempat dan pilihan kelima. Sejumlah 100 orang responden atau 64.5%

memilih Program Pengajian Bahasa Melayu sebagai pilihan pertama, manakala sejumlah 41 responden atau 26.5% memilih program ini sebagai pilihan kedua. Ini diikuti oleh 36 atau 3.9% responden memilih program ini sebagai pilihan ketiga, manakala sebagai pilihan keempat dan kelima, masing-masing diwakili oleh 5 responden atau 3.2% dan 3 responden atau 1.9%.

JADUAL 5. Pemilihan Program Pengajian Bahasa Melayu di UPU

<b>Bil.</b>	<b>Pilihan</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus (%)</b>
1	Pilihan Pertama	100	64.5%
2	Pilihan Kedua	41	26.5%
3	Pilihan Ketiga	36	3.9%
4	Pilihan Keempat	5	3.2%
5	Pilihan Kelima	3	1.9%
	Total	155	100%

Sumber: Soal Selidik 2016

Jadual 6 menunjukkan demografi dari segi sumber maklumat mengenai program pengajian. Daripada jadual tersebut, didapati bahawa pihak guru merupakan sumber utama kepada para responden untuk mengetahui maklumat tentang Program Pengajian Bahasa Melayu. Hal ini diwakili oleh 80 orang responden atau 51.6%. Ini diikuti oleh laman web pusat pengajian/fakulti/universiti, iaitu sejumlah 49 orang atau 31.9% responden yang mendapatkan maklumat daripada sumber ini atas talian ini. Selanjutnya, sumber maklumat mengenai Program Pengajian Bahasa Melayu juga diperolehi daripada rakan, iaitu sejumlah 16 orang responden atau 10.3%. Sumber maklumat lain yang diperolehi oleh responden adalah daripada saudara-mara iaitu sejumlah 6 responden atau 3.9% dan akhir sekali lain-lain sumber maklumat, sejumlah 4 orang responden atau 2.6%.

JADUAL 6. Sumber Maklumat Mengenai Program Pengajian

<b>Bil.</b>	<b>Sumber</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus (%)</b>
1	Rakan	16	10.3%
2	Guru	80	51.6%
3	Saudara-mara	6	3.9%
4	Laman Web Pusat Pengajian/Fakulti/Universiti	49	31.6%
5	Lain-lain	4	2.6%
	Total	155	100%

Sumber : Soal Selidik 2016

### **Analisis Soal Selidik**

Untuk mendapatkan maklumat tentang persepsi dan harapan mahasiswa yang mengikuti Program Pengajian Bahasa Melayu, di UKM, sejumlah 10 item pernyataan yang berkaitan telah dilampirkan di dalam borang soal selidik yang diedarkan kepada responden. Dapatan soal selidik tersebut dikemukakan mengikut tahun pengajian iaitu mahasiswa yang mengikuti

pengajian pada Tahun 1, Tahun 2 dan Tahun 3. Dapatan analisis tersebut dikemukakan dalam perbincangan yang berikutnya.

### **Persepsi dan Harapan Mahasiswa Tahun 1 Terhadap Program Pengajian Bahasa Melayu**

Soal selidik mengenai persepsi dan harapan terhadap Program Pengajian Bahasa Melayu di UKM, dijalankan ke atas sejumlah 58 orang responden iaitu mahasiswa Tahun 1. Dapatan soal selidik tersebut dikemukakan menerusi jadual yang berikut:

JADUAL 7. Persepsi dan Harapan Mahasiswa Tahun 1 Terhadap Program Pengajian Bahasa Melayu

Item	Pernyataan	Sangat Setuju (SS)	Setuju (S)	Tidak Pasti (TP)	Tidak Setuju (TS)	Sangat Tidak Setuju (STS)
1	Program Pengajian Bahasa Melayu mampu menjadikan saya seorang yang berwibawa dalam bidang bahasa Melayu.	55.2%	43.1%	1.7%	-	-
2	Program Pengajian Bahasa Melayu melahirkan graduan yang berkualiti.	58.6%	39.7%	1.7%	-	-
3	Program Pengajian Bahasa Melayu mempunyai reputasi yang baik dalam kalangan masyarakat.	36.2%	44.8%	13.8%	3.4%	1.7%
4	Program Pengajian Bahasa Melayu menyediakan peluang pekerjaan yang cerah.	31.0%	44.8%	22.4%	1.7%	-
5	Program Pengajian Bahasa Melayu memenuhi kehendak pasaran semasa.	19.0%	44.8%	31.05%	5.2%	-
6	Saya berhasrat untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana dalam Program Pengajian Bahasa Melayu.	56.9%	31.0%	12.1%	-	-
7	Saya menggalakkan adik-adik/saudaramara/rakan-rakan untuk menyambung pengajian di Program Pengajian Bahasa Melayu.	36.2%	55.2%	3.4%	-	5.2%
8	Saya berharap untuk mendapat pekerjaan yang sesuai dalam bidang kerjaya yang berkaitan dengan bidang Program Pengajian bahasa Melayu.	56.9%	39.7%	3.4%	-	-
9	Program Pengajian Bahasa Melayu akan terus berkembang seiring dengan peredaran masa.	51.7%	37.9%	8.6%	1.7%	-



10	Program Pengajian Bahasa Melayu mampu mencapai status program pengajian linguistik yang disegani di peringkat antarabangsa.	51.7%	44.8 %	3.4 %	-	-
----	-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	-------	--------	-------	---	---

Sumber : Soal Selidik 2016

Berdasarkan soal selidik yang dijalankan ke atas mahasiswa Tahun 1 yang mengikuti Program Pengajian Bahasa Melayu, di UKM, didapati sejumlah 55.2% responden sangat bersetuju dan 43.1% bersetuju dengan pernyataan dalam Item 1, sementara 58.6% responden sangat bersetuju dan 39.7% bersetuju dengan pernyataan dalam Item 2. Dengan kata lain, secara puratanya responden menunjukkan harapan dan persepsi yang positif bahawa Program Pengajian Bahasa Melayu mampu melahirkan individu yang berwibawa dalam bidang bahasa Melayu dan mampu menghasilkan graduan yang berkualiti. Sehubungan dengan Item 3 mengenai reputasi Program Pengajian Bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat pula, meskipun terdapat 13.8% responden yang tidak pasti mengenai hal ini, namun peratusan 36.2% bagi responden yang sangat bersetuju, dan 44.8 % bagi responden yang bersetuju dengan aspek-aspek tersebut, menunjukkan bahawa secara puratanya responden mempunyai persepsi dan keyakinan yang tinggi bahawa Program Pengajian Bahasa Melayu mempunyai reputasi yang baik dalam kalangan masyarakat.

Item 4 dan 5, masing-masing diwakili oleh 31.0 % responden yang sangat bersetuju bahawa Program Pengajian Bahasa Melayu berupaya menyediakan peluang pekerjaan yang cerah, manakala 19.0% pula sangat bersetuju bahawa Program Pengajian Bahasa Melayu mampu memenuhi kehendak pasaran semasa. Hal ini turut disokong oleh sejumlah 44.8% responden yang masing-masing bersetuju dengan kedua-dua pernyataan dalam Item 4 dan 5 tersebut, meskipun terdapat 22.4% dan 31.05% responden yang masing-masing tidak pasti dengan kedua-dua hal ini. Sehubungan dengan Item 6, iaitu harapan responden untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dalam Program Pengajian Bahasa Melayu, sejumlah 56.9% responden sangat bersetuju, 31.01% bersetuju dan 12.1% tidak pasti tentang hal ini. Sementara itu, sejumlah 55.2% responden bersetuju dengan Item 7, iaitu menggalakkan adik-adik/saudara mara dan rakan-rakan untuk menyambung pengajian dalam Program Pengajian Bahasa Melayu, manakala 36.2 % pula memilih sangat bersetuju, 3.4% tidak pasti, manakala selebihnya 5.2% tidak bersetuju. Meskipun terdapat perbezaan antara Item 6 dan 7 dari segi peratusan, namun dapat dirumuskan bahawa keyakinan dan harapan responden berhubung kedua-dua Item tersebut adalah masih positif.

Dapatan bagi Item 8, 9 dan 10, menunjukkan keyakinan dan harapan yang tinggi dalam kalangan responden berhubung kesesuaian kerjaya berkaitan bidang Program Pengajian Bahasa Melayu dan masa depan Program Pengajian Bahasa Melayu. Dalam hal ini, sejumlah 56.9% responden sangat bersetuju dan 39.9% bersetuju dengan Item 8, bahawa bidang kerjaya yang diharapkan adalah yang berkaitan dengan Program Pengajian Bahasa Melayu, manakala 3.4% selebihnya memilih tidak pasti berhubung hal ini. Sebilangan besar responden juga percaya bahawa Program Pengajian Bahasa Melayu akan berkembang seiring dengan peredaran masa iaitu sejumlah 51.7% sangat bersetuju dengan hal ini, 37.9% bersetuju, manakala sebilangan kecil responden tidak pasti iaitu 8.6% dan 1.7% tidak bersetuju dengan hal ini. Akhir sekali Item 10, responden menunjukkan harapan yang tinggi bahawa Program Pengajian Bahasa Melayu mampu mencapai status program pengajian linguistik yang disegani di peringkat antarabangsa

yang diwakili oleh sejumlah 51.7% responden yang sangat bersetuju dengan hal ini, 44.8% bersetuju manakala baki 3.4% tidak pasti tentang hal ini.

### **Persepsi dan Harapan Mahasiswa Tahun 2 Terhadap Program Pengajian Bahasa Melayu**

Soal selidik mengenai persepsi dan harapan terhadap Program Pengajian Bahasa Melayu di UKM, dijalankan ke atas sejumlah 56 orang responden iaitu mahasiswa Tahun 2. Dapatan soal selidik dikemukakan menerusi jadual yang berikut:

JADUAL 8. Persepsi dan Harapan Mahasiswa Tahun 2 Terhadap Program Pengajian Bahasa Melayu

Item	Pernyataan	Sangat Setuju (SS)	Setuju (S)	Tidak Pasti (TP)	Tidak Setuju (TS)	Sangat Tidak Setuju (STS)
1	Program Pengajian Bahasa Melayu mampu menjadikan saya seorang yang berwibawa dalam bidang bahasa Melayu.	33.9%	64.3%	1.8%	-	-
2	Program Pengajian Bahasa Melayu melahirkan graduan yang berkualiti.	32.1%	62.5%	5.4%	-	-
3	Program Pengajian Bahasa Melayu mempunyai reputasi yang baik dalam kalangan masyarakat.	21.4%	66.1%	10.7%	1.8%	-
4	Program Pengajian Bahasa Melayu menyediakan peluang pekerjaan yang cerah.	12.5%	42.9%	37.5%	7.1%	-
5	Program Pengajian Bahasa Melayu memenuhi kehendak pasaran semasa.	5.4%	42.9%	44.6%	5.4%	1.8%
6	Saya berhasrat untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana dalam Program Pengajian Bahasa Melayu.	37.5%	41.1%	17.9%	1.8%	1.8%
7	Saya menggalakkan adik-adik/saudaramara/rakan-rakan untuk menyambung pengajian di Program Pengajian Bahasa Melayu.	26.8%	57.1%	14.3%	-	1.8%
8	Saya berharap untuk mendapat pekerjaan yang sesuai dalam bidang kerjaya yang berkaitan dengan bidang Program Pengajian bahasa Melayu.	55.4%	37.5%	3.6%	3.6%	-
9	Program Pengajian Bahasa Melayu akan terus berkembang seiring dengan peredaran masa.	42.9%	42.2%	8.9%	-	-

10	Program Pengajian Bahasa Melayu mampu mencapai status program pengajian linguistik yang disegani di peringkat antarabangsa.	51.8%	48.2%	-	-	-
----	-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	-------	-------	---	---	---

Sumber: Soal Selidik 2016

Berdasarkan soal selidik yang dijalankan ke atas mahasiswa Tahun 2 yang mengikuti Program Pengajian Bahasa Melayu di UKM, didapati sejumlah 33.9% responden sangat bersetuju dan 64.3% bersetuju dengan pernyataan dalam Item 1, iaitu Program Pengajian Bahasa Melayu mampu menjadikan mereka graduan yang berwibawa dalam bidang bahasa Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa secara puratanya responden mempunyai persepsi dan keyakinan yang tinggi bahawa Program Pengajian Bahasa Melayu meskipun terdapat 1.8% responden yang tidak pasti mengenai hal ini. Seterusnya berhubung dengan Item 2, sejumlah 62.5% responden bersetuju bahawa Program Pengajian Bahasa Melayu mampu melahirkan graduan yang berkualiti. Hal ini diikuti oleh 32.1% responden yang sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut, manakala selebihnya iaitu sejumlah 5.4% responden tidak pasti mengenai hal ini.

Berhubung dengan Item 3, sejumlah 66.1% responden bersetuju bahawa Program Pengajian Bahasa Melayu mempunyai reputasi yang baik dalam kalangan masyarakat. Walau bagaimanapun didapati bahawa hanya 21.4% responden yang sangat bersetuju dengan pernyataan ini, manakala 10.7% responden tidak pasti dan 1.8% selebihnya, tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Bagi Item 4, berhubung dengan kemampuan Program Pengajian Bahasa Melayu dalam menyediakan peluang pekerjaan yang cerah, hasil soal selidik menunjukkan bahawa 42.9% responden bersetuju dengan pernyataan ini, diikuti oleh 37.5% responden yang tidak pasti mengenai pernyataan ini, manakala yang sangat bersetuju sejumlah 12.5% sahaja dan selebihnya 7.1% tidak bersetuju. Dari aspek kemampuan Program Pengajian Bahasa Melayu dalam memenuhi kehendak pasaran semasa pula (Item 5), didapati sejumlah 42.9% responden bersetuju dengan pernyataan ini. Walau bagaimanapun, dapatan analisis menunjukkan bahawa sejumlah 44.6% responden yang tidak pasti mengenai pernyataan ini, manakala yang sangat bersetuju sejumlah 5.4% responden sahaja dan begitu juga dari segi responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut sejumlah 5.4%. Selebihnya ialah responden yang tidak bersetuju iaitu 1.8% responden.

Selanjutnya berhubung dengan Item 6, sejumlah 41.1% responden bersetuju dengan bahawa Program Pengajian Bahasa Melayu mampu mengerakkan hasrat responden untuk melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana. Hal ini diikuti oleh sejumlah 37.5% yang juga turut sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut, diikuti oleh 17.9% yang tidak pasti, manakala 1.8% masing-masing diwakili oleh responden yang tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Bagi Item 7 berhubung dengan kesediaan responden dalam menggalakkan saudara/adik-beradik/rakan-rakan untuk menyambung pengajian dalam Program Pengajian Bahasa Melayu, didapati sebahagian besar responden bersetuju dengan pernyataan tersebut iaitu sejumlah 57.1%. Walau bagaimanapun dapatan menunjukkan bahawa hanya 26.8% responden yang sangat bersetuju dengan hal ini, manakala 14.3% pula tidak pasti dan selebihnya 1.8% sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Berhubung dengan Item 8, iaitu harapan mendapatkan pekerjaan yang sesuai dalam kerjaya yang berkaitan dengan bidang kerjaya yang ditawarkan dalam Program Pengajian Bahasa Melayu pula, sejumlah besar responden sangat bersetuju dengan pernyataan ini iaitu 55.4%. Ini diikuti oleh sejumlah 37.5% responden yang bersetuju dan diikuti oleh 3.6% yang

masing-masing diwakili oleh responden yang tidak pasti dan tidak bersetuju. Seterusnya berhubung dengan Item 9 iaitu tentang keyakinan bahawa Program Pengajian Bahasa Melayu akan terus berkembang seiring dengan peredaran masa, sejumlah 48.2% responden bersetuju dengan pernyataan ini, diikuti oleh 42.9% responden yang sangat bersetuju dengan hal tersebut, manakala responden yang tidak pasti mengenai hal ini diwakili oleh 8.9%. Akhir sekali Item 10 berhubung kemampuan Program Pengajian Bahasa Melayu mencapai status sebagai program linguistik yang disegani di peringkat antarabangsa, sebahagian besar responden sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut iaitu sejumlah 51.8%, dan diikuti oleh 48.2% bersetuju.

### **Persepsi dan Harapan Mahasiswa Tahun 3 Terhadap Program Pengajian Bahasa Melayu**

Soal selidik mengenai persepsi dan harapan terhadap Program Pengajian Bahasa Melayu di UKM dijalankan ke atas sejumlah 41 orang responden yang terdiri daripada mahasiswa Tahun 3. Dapatan soal selidik dikemukakan menerusi jadual yang berikut:

JADUAL 9. Persepsi dan Harapan Mahasiswa Tahun 3 Terhadap Program Pengajian Bahasa Melayu

Item	Pernyataan	Sangat Setuju (SS)	Setuju (S)	Tidak Pasti (TP)	Tidak Setuju (TS)	Sangat Tidak Setuju (STS)
1	Program Pengajian Bahasa Melayu mampu menjadikan saya seorang yang berwibawa dalam bidang bahasa Melayu.	29.3%	61.0%	7.3%	-	2.4%
2	Program Pengajian Bahasa Melayu melahirkan graduan yang berkualiti.	36.6%	48.8%	12.2%	-	2.4%
3	Program Pengajian Bahasa Melayu mempunyai reputasi yang baik dalam kalangan masyarakat.	26.8%	39.0%	19.5%	14.6%	-
4	Program Pengajian Bahasa Melayu menyediakan peluang pekerjaan yang cerah.	17.1%	48.8%	31.7%	-	2.4%
5	Program Pengajian Bahasa Melayu memenuhi kehendak pasaran semasa.	7.3%	46.3%	41.5%	4.9%	-
6	Saya berhasrat untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana dalam Program Pengajian Bahasa Melayu.	26.8%	29.3%	28.8%	14.6%	2.4%
7	Saya menggalakkan adik-adik/saudaramara/rakan-rakan untuk menyambung pengajian di Program Pengajian Bahasa Melayu.	26.8%	46.3%	9.8%	17.1%	-

8	Saya berharap untuk mendapat pekerjaan yang sesuai dalam bidang kerjaya yang berkaitan dengan bidang Program Pengajian bahasa Melayu.	43.9%	43.9%	9.8%	2.4%	-
9	Program Pengajian Bahasa Melayu akan terus berkembang seiring dengan peredaran masa.	36.6%	51.2%	9.8%	2.4%	-
10	Program Pengajian Bahasa Melayu mampu mencapai status program pengajian linguistik yang disegani di peringkat antarabangsa.	41.5%	43.9%	12.2%	2.4%	-

Sumber : Soal Selidik 2016

Berdasarkan soal selidik yang dijalankan ke atas mahasiswa Tahun 3 yang mengikuti Program Pengajian Bahasa Melayu di UKM, sejumlah 61.0% responden bersetuju dengan pernyataan dalam Item 1, iaitu bahawa Program Pengajian Bahasa Melayu mampu menjadikan mereka graduan yang berwibawa dalam bidang bahasa Melayu. Hal ini diikuti oleh sejumlah 29.3% responden sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut, manakala selebihnya tidak pasti iaitu 7.3% dan 2.4% diwakili oleh responden yang sangat tidak bersetuju. Seterusnya berhubung dengan Item 2, sejumlah 48.8% responden bersetuju bahawa Program Pengajian Bahasa Melayu mampu melahirkan graduan yang berkualiti. Hal ini ini diikuti oleh sejumlah 36.6% responden yang sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut, manakala selebihnya 12.2% responden tidak pasti mengenai hal ini dan 2.4% responden sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Berhubung dengan Item 3 bahawa Program Pengajian Bahasa Melayu mempunyai reputasi yang baik dalam kalangan masyarakat, sejumlah 39.0% responden bersetuju dengan pernyataan tersebut diikuti oleh 26.8% yang sangat bersetuju. Walau bagaimanapun dapatan menunjukkan bahawa terdapat 19.5% responden yang tidak pasti tentang hal tersebut manakala selebihnya 14.6% tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Dari segi keyakinan terhadap Program Pengajian Bahasa Melayu dalam menyediakan peluang pekerjaan yang cerah (Item 4), sebahagian besar responden bersetuju dengan hal tersebut iaitu sejumlah 48.8%, diikuti oleh 31.7% responden yang tidak pasti, 17.1% responden sangat bersetuju, sementara selebihnya memilih sangat tidak bersetuju iaitu 2.4%.

Item 5 berhubung dengan kemampuan Program Pengajian Bahasa Melayu memenuhi kehendak pasaran semasa, sejumlah 46.3% responden bersetuju dengan hal tersebut. Walau bagaimanapun didapati bahawa terdapat 28.8% responden yang tidak pasti mengenai hal ini, manakala terdapat 26.8% responden yang sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut. Selebihnya ialah 4.9% yang diwakili oleh responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Berhubung dengan Item 6, sejumlah 29.3% responden bersetuju dengan bahawa Program Pengajian Bahasa Melayu mampu mengerakkan hasrat responden untuk melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana. Hal ini diikuti oleh sejumlah 26.8% responden yang sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut. Walau bagaimanapun analisis data menunjukkan bahawa terdapat 28.8% responden yang tidak pasti mengenai hal ini, manakala selebihnya iaitu 14.6% dan 2.4%, masing-masing diwakili oleh responden yang tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju.

Bagi Item 7 berhubung dengan kesediaan responden dalam menggalakkan saudara/adik-beradik/rakan-rakan untuk menyambung pengajian dalam Program Pengajian Bahasa Melayu,

didapati sebahagian besar responden bersetuju dengan pernyataan tersebut iaitu sejumlah 46.3%. Hal ini diikuti oleh 26.8% responden yang sangat bersetuju dengan hal tersebut, manakala selebihnya 17.1% responden tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Selebihnya 9.8% diwakili oleh responden yang tidak pasti dengan pernyataan tersebut. Berhubung dengan Item 8, iaitu harapan mendapatkan pekerjaan yang sesuai dalam kerjaya yang berkaitan dengan bidang kerjaya yang ditawarkan dalam Program Pengajian Bahasa Melayu pula, didapati responden sangat bersetuju dengan pernyataan ini, iaitu 43.9% responden. Responden yang sangat bersetuju dengan pernyataan Item 8 juga diwakili oleh sejumlah 43.9%. Selanjutnya, terdapat 9.8% responden yang tidak pasti dengan hal tersebut, sementara responden yang tidak bersetuju adalah sejumlah 2.4%.

Seterusnya berhubung dengan Item 9 iaitu tentang keyakinan bahawa Program Pengajian Bahasa Melayu akan terus berkembang seiring dengan peredaran masa, sejumlah 51.2% responden bersetuju dengan pernyataan ini, diikuti oleh 36.6% responden yang sangat bersetuju dengan hal tersebut. Responden yang tidak pasti mengenai hal ini diwakili oleh sejumlah 9.8%, manakala selebihnya 2.4% diwakili oleh responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Akhir sekali Item 10 berhubung kemampuan Program Pengajian Bahasa Melayu mencapai status sebagai program linguistik yang disegani di peringkat antarabangsa, sebahagian besar responden sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut iaitu sejumlah 43.9%, diikuti oleh 41.5% responden yang bersetuju, 12.2% tidak pasti, sementara 2.4% lagi merupakan responden yang sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

## PERBINCANGAN

### Kebitaraan Program Pengajian Bahasa Melayu

Bahagian ini membincangkan kebitaraan Program Pengajian Bahasa Melayu di UKM, menerusi tinjauan ke atas persepsi dan harapan mahasiswa terhadap program pengajian ini. Persepsi didefinisikan sebagai gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran, tanggapan atau pandangan tentang sesuatu (Kamus Dewan, 2005:1193). Kata 'harapan' pula dikonsepsikan sebagai sesuatu/seseorang yang diharapkan (Kamus Dewan, 2004: 513). Dalam kajian ini tanggapan atau persepsi mahasiswa terhadap program pengajian yang diikuti dan juga harapan mahasiswa terhadap program tersebut merupakan dua aspek yang difokuskan untuk melihat kebitaraan Program Pengajian Bahasa Melayu di UKM.

JADUAL 10. Persepsi Mahasiswa Terhadap Kualiti Ilmu  
Program Pengajian Bahasa Melayu

Pernyataan	Sangat Setuju	Setuju
1. Program Pengajian Bahasa Melayu mampu menjadikan saya seorang yang berwibawa dalam bidang bahasa Melayu.	29.3%	61.0%
2. Program Pengajian Bahasa Melayu melahirkan graduan yang berkualiti.	26.8%	39%

Berdasarkan dapatan soal selidik ini, didapati bahawa mahasiswa yang mengikuti Program Pengajian Bahasa Melayu di UKM mempunyai persepsi positif terhadap ilmu linguistik Melayu yang diikuti sepanjang pengajian mereka. Malahan, mereka juga didapati masih meletakkan harapan yang tinggi terhadap peluang serta prospek kerjaya melalui ilmu yang diikuti dalam pengajian mereka. Hal ini jelas terbukti menerusi rumusan dalam jadual 10 berikut, yang mewakili tahap keyakinan mahasiswa terhadap Program Pengajian Bahasa Melayu yang diikuti oleh mereka.

Daripada jadual tersebut jelas bahawa mahasiswa tidak meragui kualiti ilmu yang diterima sepanjang mengikuti pengajian mereka dalam program ini. Keyakinan ini menunjukkan bahawa kebitaraan bidang ilmu linguistik Melayu adalah setaraf dengan pengajian yang sama di universiti-universiti lain sama ada di dalam dan luar negara. Seperti yang telah disebutkan dalam pengenalan awal makalah ini, Program Pengajian Bahasa Melayu menitikberatkan tiga aspek, iaitu bahan kajian, pendekatan dan sumbangan ilmu. Daripada segi bahan kajian bahasa, bahannya masih sama, iaitu bahasa Melayu dan dialek-dialeknya. Daripada segi pendekatan, penelitian bahasa sudah terkehadapan dalam menggunakan teori-teori linguistik terkini dan dari segi sumbangan ilmu, program bahasa Melayu turut melibatkan pihak industri dan komuniti agar nilai ilmu mahasiswa relevan dalam arus semasa. Dengan kata lain, Program Pengajian Bahasa Melayu menawarkan ilmu teras dan aplikasi dalam kajian linguistik Melayu. Adunan yang komprehensif antara kedua-dua bidang ilmu ini sesungguhnya berkemampuan melahirkan pakar dalam kajian linguistik Melayu dan sekaligus berupaya melahirkan graduan yang berfikiran kreatif, inovatif dan memiliki daya tahan kemelayuan yang tinggi. Dengan pengisian ilmu yang bersifat kesemasaan, kepakaran tenaga pengajar serta penglibatan pihak industri dan komuniti berupaya menjadikan para mahasiswa sangat yakin dengan kualiti ilmu linguistik yang diterima oleh mereka. Justeru kebitaraan Program Pengajian Bahasa Melayu dalam hal ini sememangnya tidak diragukan lagi.

Walaupun bidang Pengajian Melayu sering dikelaskan sebagai bidang yang tidak mempunyai masa depan kerjaya yang kompetitif; tidak seperti bidang perubatan, kejuruteraan, undang-undang dan perakaunan, namun persepsi para mahasiswa masih tinggi dengan menaruh harapan tinggi untuk mendapatkan pekerjaan yang sesuai dalam bidang yang berkaitan dengan bidang berkaitan bahasa Melayu. Hal ini terbukti apabila sejumlah 43.9% mahasiswa Tahun 3, 55.4% mahasiswa Tahun 2 dan 56.9% mahasiswa Tahun 1 menjawab soal selidik yang mahukan kerjaya mereka dalam bidang pengajian bahasa Melayu.

Namun begitu, dalam konteks keadaan ekonomi semasa yang tidak menentu pada masa sekarang, adalah sesuatu yang sukar untuk memenuhi harapan tersebut sekiranya ia cuma sekadar harapan. Para graduan sepatutnya boleh menjana karier mereka tanpa perlu terikat kepada bidang pengajian yang diikuti semasa di universiti. Pendek kata, mahasiswa masa kini harus bijak untuk membekalkan diri mereka dengan nilai-nilai tambahan untuk bersaing dengan graduan dalam bidang lain. Para graduan tidak harus membataskan diri mereka untuk berkecimpung dalam bidang yang berkait dengan bidang bahasa seperti menjadi guru, penyunting atau pegawai perancang Bahasa di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Mahasiswa dengan ilmu yang ada tidak seharusnya menceburi bidang yang dimahasiswai namun dengan ijazah yang dimiliki boleh dijadikan tiket untuk menceburi apa sahaja bidang lain seperti menjadi seorang usahawan, wartawan, dan lain-lain lagi. Bagi menyediakan mahasiswa yang boleh berdikari, kini kursus-kursus keusahawanan mula diperkenalkan oleh universiti untuk menyediakan mahasiswa dengan asas keusahawanan. Langkah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melancarkan Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) 2016-

2020, membuktikan betapa kerajaan memandang serius keperluan melahirkan graduan tempatan yang bercirikan keusahawanan yang unggul. Ia adalah satu dokumen strategik yang bakal meletakkan batu asas yang kukuh dalam membentuk modal insan yang mampu menjana peluang pekerjaan bukan saja untuk diri sendiri tetapi untuk keseluruhan masyarakat.

Antara intipati penting yang terkandung dalam pelan tindakan bertempoh lima tahun tersebut iaitu pelaksanaan yang bermatlamat untuk menganjukkan minda bakal graduan daripada menjadi 'pencari pekerjaan' kepada 'penjana pekerjaan' setelah bergraduasi kelak (<http://www.utusan.com.my/rencana/graduan-perlu-ubah-mentaliti-1.277266>). Sejalan dengan hasrat KPT untuk menghasilkan graduan yang bercirikan usahawan, maka Program Pengajian Bahasa Melayu turut menyahut hasrat tersebut. Program yang telah melalui proses semakan semula kurikulum pada tahun 2008 dan 2015 telah menyemak semula struktur kursus. Bagi menerapkan nilai-nilai keusahawanan kepada mahasiswa maka terdapat beberapa kursus disemak semula dan diperbaharui dengan penambahan input-input keusahawanan. Antara kursus yang memenuhi ciri keusahawanan ialah kursus Penyuntingan Teks dan Penterjemahan. Kursus Bahasa Melayu Profesional pula merupakan kursus baharu yang bakal ditawarkan pada sesi 2017-2018. Kursus ini akan menyediakan mahasiswa ke arah bidang pengacaraan, bidang penyampaian dan pengucapan awam seperti penceramah, pakar motivasi, perunding, moderator, fasilitator, instruktur dan lain-lain lagi. Di samping itu, untuk bersaing dengan graduan lain pula, mahasiswa haruslah mempunyai nilai tambah yang lain seperti memiliki personaliti menarik dan mempunyai sikap yang sentiasa positif. Malah kebolehan berkomunikasi juga merupakan nilai tambah yang sangat penting yang dapat memperlihatkan sisi berbeza antara graduan bidang bahasa dengan antara graduan daripada bidang yang lain. Sebagaimana pandangan Zulkifley Hamid (2012:231), aspek kecekapan berbahasa seseorang pengguna bahasa itu akan menjadikan seseorang pengguna bahasa itu yang cemerlang atau sebaliknya, di samping aspek pengetahuan bahasanya. Justeru kecemerlangan dalam berkomunikasi di sini pastinya turut berakar daripada kecekapan berbahasa dalam konteks lisan mahupun penulisan dalam kalangan mahasiswa atau graduan.

Dalam pada itu, walaupun para mahasiswa menyakini nilai ilmu yang diperolehi dan menaruh harapan yang tinggi untuk menjawat jawatan dalam bidang yang berkaitan dengan bidang ilmu yang dipelajari, namun apabila dikaitkan dengan bidang kerjaya yang sebenar, mereka didapati agak sangsi berhubung dengan perkara tersebut. Hal ini terlihat daripada hasil soal selidik apabila ditanyakan soalan yang dikaitkan antara bidang pengajian dengan kerjaya. Hal ini dapat dilihat menerusi rumusan dapatan soal selidik yang dipaparkan dalam jadual yang berikut.

JADUAL 11. Harapan Mahasiswa Terhadap Kerjaya

Pernyataan	Tahun 1	Tahun 3
1. Program Pengajian Bahasa Melayu menyediakan peluang pekerjaan yang cerah.	31.0%	17.1%
2. Program Pengajian Bahasa Melayu memenuhi kehendak pasaran semasa.	19.0%	7.3%

Pada tahap peringkat awal pengajian, mahasiswa khususnya Tahun 1 yang menerima tawaran mengikuti pengajian dalam program ini secara keseluruhannya tidak begitu memikirkan



apakah jenis kerjaya mereka selepas mengikuti pengajian kelak. Pada peringkat awal ini juga, mahasiswa Tahun 1 juga mempunyai harapan dan jangkauan yang sangat besar untuk mendapat pekerjaan apabila mengikuti program ini. Hal ini kerana pada tahap awal, mahasiswa hanya ingin menyambung pengajian mereka ke institusi pengajian tinggi selepas menamatkan pengajian mereka pada peringkat tingkatan enam atau lepasan diploma. Dengan kata lain, kebanyakan pelajar tingkatan enam dan diploma hanya berharap untuk mendapat tawaran yang sesuai dengan kelulusan mereka. Mereka juga lebih bermatlamat untuk menjadi seorang mahasiswa di institusi pengajian tinggi, tanpa begitu memikirkan apakah bidang kerjaya yang sesuai dengan kelulusan mereka. Walau bagaimanapun apabila mereka memasuki Tahun 3 iaitu tahap akhir pengajian, harapan dan jangkauan awal tersebut didapati mula merosot sebagaimana yang tergambar dalam jadual 11 tersebut. Hal ini memperlihatkan bahawa mahasiswa mula sedar bahawa mengikuti program pengajian ini tidak bermakna bahawa mereka akan memperoleh jawatan atau kerjaya mengikut bidang yang diceburi. Mereka mula berpijak di bumi yang nyata. Dengan kata lain apabila mahasiswa mula memasuki tahun akhir iaitu tahun ketiga, fasa memikirkan alam kerjaya mula bermain di dalam benak fikiran mereka.

Realitinya pada hari ini peluang pekerjaan baik dalam sektor awam mahupun swasta, secara relatifnya masih sedikit dan tidak mencukupi jika dibandingkan dengan bilangan graduan yang dikeluarkan oleh 20 universiti awam dan universiti serta kolej swasta di samping institusi kemahiran yang lain. Memang sukar untuk pasaran kerja tempatan menawarkan peluang pekerjaan kepada semua graduan, apatah lagi dengan kadar gaji yang setaraf dengan kelayakan masing-masing. Walaupun pahit untuk ditelan tetapi inilah senario sebenar yang sedang dihadapi sekarang. Diharapkan agar para graduan akan memahami situasi ini dan bertindak secara bijak demi masa depan mereka (<http://www.utusan.com.my/rencana/graduan-perlu-ubah-mentaliti-1.277266>). Maka itu, pada tahap inilah para mahasiswa harus mula menilai semula ilmu yang diikuti dengan permintaan kerjaya yang menanti mereka. Jika 10 tahun dahulu, graduan bidang bahasa Melayu mendapat peluang yang mudah untuk menceburi bidang perguruan atau pendidikan, menyertai perkhidmatan di sektor kerajaan terutamanya di lapangan profesional seperti Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD), Pegawai Tadbir Awam (PTA), Pegawai Tadbir Negeri (PTN), Pegawai Perancang Bahasa, Pegawai Penerbitan, Pegawai Penyiaran, namun graduan bahasa Melayu kini tidak lagi mudah untuk mendapat peluang yang sedemikian.

Justeru pada tahap inilah munculnya fikiran-fikiran tentang kerelevanan ilmu mulai dipersoalkan. Antaranya timbul persoalan bahawa graduan yang dihasilkan oleh bidang bahasa Melayu dikatakan tidak memenuhi kehendak pekerjaan atau dengan kata lain tidak *market driven*. Hakikatnya, persepsi bahawa bidang bahasa atau bidang linguistik sukar untuk menyediakan peluang pekerjaan, tidak produktif, kurang praktikal dan ketinggalan zaman adalah tidak tepat dan tanggapan seperti ini perlu diperbetulkan segera. Hal ini adalah kerana bidang bahasa seperti lulusan bahasa Melayu, mempunyai potensi dan prospek yang luas di dalam pasaran kerja di Malaysia, dan bukannya sekadar menjadi guru atau pensyarah bahasa sahaja seperti mana yang lazim mejadi tanggapan tipikal selama ini. Bagi lulusan bahasa dan linguistik Melayu, peluang pekerjaan di pasaran semasa masih terbuka luas dan tidak pernah tertutup sama sekali kerana bidang ini begitu unik, konstruktif dan relevan dengan realiti pekerjaan dan perkhidmatan semasa (<http://mohamadsofee.blogspot.my/2007/12/potensi-prospek-kerjaya-bahasa.html>).

## KESIMPULAN

Makalah ini membincangkan kebitaraan Program Pengajian Bahasa Melayu di UKM, menerusi tinjauan ke atas persepsi dan harapan mahasiswa terhadap program ini. Pada keseluruhannya, persepsi mahasiswa terhadap Program Pengajian Bahasa Melayu didapati amat positif. Program ini bukan sahaja diiktiraf dari segi ilmu dan kepakaran, malah program ini juga telah diterima pada peringkat antarabangsa. Dari aspek harapan, Program Pengajian Bahasa Melayu yang merupakan sebahagian daripada bidang Pengajian Melayu akan terus relevan dan mampu bersaing dengan bidang-bidang yang lain. Walau bagaimanapun aspek harapan mahasiswa terhadap bidang kerjaya, perlulah diubah. Mahasiswa atau graduan seharusnya menyedari bahawa universiti bukanlah semata-mata satu pusat yang berfungsi untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada mahasiswa yang bakal menamatkan pengajian. Sebaliknya universiti hanya menyediakan peluang untuk menimba ilmu pengetahuan serta membuka ruang kepada mahasiswa untuk mengasah bakat dan kemahiran yang diperlukan bagi meneruskan survival kehidupan mereka setelah bergraduasi kelak. Justeru masa depan adalah berada di tangan graduan itu sendiri dan mereka seharusnya berani menahut cabaran tersebut.

Sehubungan dengan itu, usaha untuk menjalankan penyelidikan berkaitan prospek dan harapan graduan terhadap Program Pengajian Bahasa Melayu perlu dilakukan kerana ianya sejajar dengan senario masa kini yang melihat bahawa pihak universiti bukan sahaja berfungsi sebagai pusat yang membekalkan ilmu pengetahuan dalam bidang yang diambil, tetapi ia juga haruslah menawarkan kursus-kursus yang berkaitan dengan dunia pekerjaan. Untuk itu, sebagai nilai tambah kepada graduan bidang bahasa bagi mempersiapkan diri di dalam dunia yang serba mencabar pada masa kini, adalah disarankan agar mereka mengikuti kursus-kursus yang berkaitan ataupun mengambil sijil, diploma dan ijazah lanjutan dalam bidang yang ingin diceburi, sebagai langkah awal membuat anjakan paradigma dan melonjakkan nilai bidang bahasa di tahap yang sewajarnya. Kita tidak lagi mahu mendengar kata-kata yang boleh melemahkan semangat dan minat mahasiswa atau graduan institusi pengajian tinggi, bahawa bidang bahasa Melayu atau Program Pengajian Bahasa Melayu hanya sesuai untuk mereka yang menjadi guru sahaja, sedangkan peluang dan prospek bidang ini sebenarnya amat luas dan tiada sempadan. Justeru, kebitaraan Program Pengajian Bahasa Melayu bukan sahaja terletak pada kekuatan bidang ilmu linguistik yang ditawarkan mahupun bergantung pada kursus-kursus yang mempunyai prospek pasaran. Sebaliknya kebitaraan program ini juga harus dilihat dari segi kemampuannya untuk melahirkan graduan yang benar-benar positif dan mampu bersaing serta berani mengharungi arus cabaran ekonomi masa kini yang kompetitif.

## RUJUKAN

- Awang Sariyan. 2016. *Mencari Makna Diri Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Awang Sariyan. 2016. Kajian Bahasa dan Linguistik Melayu di Malaysia: Perkembangan dan Hala Tuju Masa Hadapannya. In. Fritz Schulze & Holger Warnk (Eds.). *Insular Southeast Asia: Linguistics and Cultural Studies in Honour of Bernd Nothofer*. Wiesbaden: Otto Harrasowitz GmbH & Co, pp. 53-64.
- David C.L. Lim, Nor Azizah Salleh, Saat Md. Yassin, Mohd Kidin Shahrhan, Alias Mohd Yatim & Abdul Razak Habib. 2011. *Kaedah Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Open University Malaysia.

- Hassan Ahmad. 2004. Bahasa Melayu dan Minda Melayu: Satu Tinjauan Kritis. *Jurnal Melayu*, Bil. 1, 19-52.  
<http://ekamus.dbp.gov.my/katadetail.aspx?ktid=12851>
- Kamus Dewan*. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi Keempat.
- Karim Harun, Maslida Yusof, Sa'adiah Ma'alip & Kartini Abd. Wahab. 2015. Pemerkasaan Modal Insan dalam Program Bahasa Melayu. Dlm. Maslida Yusof, Mohammed Azlan Mis, Yusmilayati Yunos & Mohamad Rodzi Abd. Razak. *Malaysia-Indonesia: Bahasa, Sastera dan Budaya*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 141-149.
- Mohd Asri Harun, Zulkifley Hamid & Kartini Abd Wahab. 2016. Melahirkan Warga yang Berketrampilan Bahasa: Kajian Hubungan antara Pengetahuan dengan Amalan Komunikatif dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu. *Geografia Malaysian Journal of Society and Space*, Volume 12 (9), 32-45.
- Mohd Sofee Razak. Potensi Prospek Kerjaya Bahasa. 2007. Muat turun 10 Disember 2016 dari <http://mohamadsofee.blogspot.my/2007/12/potensi-prospekerjayabahasa.html>.
- Mohd. Taib Osman. 2004. *Budaya Bahasa dan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Noor Mohamad Shakil Hameed. 2016. Graduan Perlu Ubah Mentaliti. Dlm. *Utusan Online*, 19 April (Atas talian). Muat turun 10 Disember 2016, dari <http://www.utusan.com.my/rencana/graduan-perlu-ubah-mentaliti-1.277266>.
- Roosfa Hashim. 2011. Perkembangan Jurnal Ilmiah Melayu dalam Kalangan Melayu Watan. *Jurnal Melayu*, (6), 137-152.
- Universiti Kebangsaan Malaysia. *Panduan Prasiswazah: Sesi Akademik 2016/2017*. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Bangi: Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan.
- Zulkifley Hamid. 2012. Keupayaan Berbahasa Melayu dalam Kerangka Satu Malaysia. *e-Bangi*, Vol. 7, 224-234.
- Zulkifley Hamid. 2014. Kebitaraan Program Pendidikan Bahasa Melayu: Faktor-Faktor yang Menyumbang. *Jurnal Melayu*, Bil. 1, 101-113.

#### **Biodata Penulis:**

##### **Kartini Abd Wahab**

Penulis merupakan pensyarah kanan di Pusat Penyelidikan Bitara Melayu (BAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Pengkhususan beliau ialah bidang sintaksis.

##### **Sa'adiah Ma'alip**

Penulis merupakan pensyarah kanan di Pusat Penyelidikan Bitara Melayu (BAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah bidang sociolinguistik.

##### **Maslida Yusof**

Penulis merupakan Profesor Madya di Pusat Penyelidikan Bitara Melayu (BAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah semantik dan pragmatik.

**Karim Harun**

Penulis merupakan Profesor Madya di Pusat Penyelidikan Bitara Melayu (BAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah leksikografi, psikolinguistik dan sejarah bahasa Melayu.